

**SULIT**



**UTHM**  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER I  
SESI 2016/2017**

NAMA KURSUS : PENGURUSAN PENDIDIKAN  
KOD KURSUS : BBD 30102  
KOD PROGRAM : BBA/ BBB/ BBD/ BBE/ BBF/ BBG  
TARIKH PEPERIKSAAN : DISEMBER 2016/ JANUARI 2017  
JANGKA MASA : 2 JAM  
ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN

KERTAS SOALAN, BORANG OMR DAN SKRIP JAWAPAN  
HENDAKLAH DIIKAT BERSAMA

**TERBUKA**

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **DUA PULUH (20)** MUKA SURAT

**SULIT**

## BAHAGIAN A

- S1 Apakah yang dimaksudkan dengan “*empowerment*”?
- A. Tidak menyalahkan sesiapa jika menghadapi sebarang kegagalan
  - B. Pemberian kuasa yang boleh atau keupayaan kepada orang bawahan
  - C. Menjalankan peningkatan profesionalisme dikalangan guru sebagai agenda utama sekolah
  - D. Agensi atau badan yang berminat dalam memajukan sekolah
- S2 Berikut merupakan fungsi-fungsi pengurusan, kecuali
- A. kemahiran
  - B. pengorganisasian
  - C. kepimpinan
  - D. pengawalan
- S3 Kepakaran guru besar, penolong kanan dan juga pembantu tadbir menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh guru dan pelajar membolehkan pengurusan pendidikan itu berjalan lancar dan
- A. menggalakkan pihak sekolah mewujudkan persekitaran sekolah yang selamat, bersih dan indah.
  - B. menggalakan hubungan yang baik dengan masyarakat dan agensi-agensi yang lain dalam usaha meningkatkan prestasi sekolah.
  - C. menggalakan pelajar untuk mementingkan harta benda sekolah.
  - D. mewujudkan persekitaran sekolah yang sunyi bagi menggalakan pembelajaran dan pengajaran yang kondusif.
- S4 Akta Pelajaran 1961 yang dilaksanakan adalah berdasarkan kepada
- A. Penyata Cheeseman 1938 dan Penyata Barnes 1948
  - B. Suruhanjaya Johari 1960 dan Penyata Razak 1956
  - C. Penyata Mahathir 1976 dan Penyata Kabinet 1980
  - D. Penyata Razak 1956 dan Laporan Rahman Talib 1960

**TERBUKA**

- S5 Penerapan komputer dan teknologi merujuk kepada kaedah pembelajaran
- A. Sekolah Bestari
  - B. Sekolah Wawasan
  - C. Sekolah Mubaligh
  - D. Sekolah Teknik Vokasional
- S6 Program J-QAF diperkenalkan pada
- A. Zaman Dasar Ekonomi Baru
  - B. Zaman Dasar Wawasan Negara
  - C. Zaman Dasar Pembangunan Negara
  - D. Zaman Pasca Merdeka
- S7 Sekolah Jenis Kebangsaan merupakan
- A. lanjutan Sekolah Vernakular berasaskan kaum di Malaysia
  - B. lanjutan Sekolah Berprestasi Tinggi
  - C. sekolah yang menekankan perpaduan antara kaum
  - D. sekolah yang menumpukan kepada sesuatu kaum
- S8 Nyatakan peranan utama guru besar dalam pengurusan sekolah?
- A. Melakukan pemantauan aktiviti sekolah
  - B. Menyelaras program-program pengajaran
  - C. Menyelia dan memantau pengajaran guru
  - D. Memantau kemajuan pembelajaran pelajar
- S9 Teori X dan Teori Y telah diperkenalkan. Teori X adalah tidak suka bekerja, tiada cita-cita dan tidak suka bertanggungjawab. Manakala, Teori Y adalah suka bekerja, ada cita-cita dan bertanggungjawab. Siapakah antara pakar-pakar pengurusan yang telah mengemukakan teori tersebut :
- A. Henri Fayol
  - B. Frederick W. Taylor
  - C. Douglas Mac Gregor
  - D. Elton Mayo

A red rectangular stamp with the word "TERBUKA" in bold, uppercase letters.

S10 Berikut merupakan objektif panitia mata pelajaran kecuali

- A. mewujudkan semangat bekerjasama antara panitia matapelajaran dengan persatuan akademik ( KOKURIA)
- B. memperbaiki dan meningkatkan mutu dan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam sesuatu bidang mata pelajaran
- C. meningkatkan semangat kakitangan dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran
- D. memperbaiki prestasi pelajar dalam peperiksaan

S11 “Pengurusan adalah seni dan sains dalam membuat keputusan dan kepimpinan”  
Siapakah tokoh yang menyatakan pengertian di atas?

- A. Henry Fayol
- B. Donald J.Clough
- C. Henry Gantt
- D. Frederick Taylor

S12 Antara yang berikut yang manakah merupakan badan-badan di luar sekolah yang terlibat dalam memajukan sekolah?

- I. PIBG
- II. Lembaga pengelola
- III. Agensi yang berminat dalam bidang pendidikan
- IV. NGO

- A. I dan II
- B. I, II dan III
- C. I, II dan IV
- D. Semua di atas

TERBUKA



- S13 Antara berikut, yang manakah jenis sekolah swasta yang memberi pilihan yang meluas?
- I. Sekolah Rendah & Sekolah Menengah Akademik Swasta, mengikuti kurikulum kebangsaan
  - II. Sekolah Menengah Persendirian Cina, mengikuti kurikulum tersendiri yang menepati garis panduan yang diberikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia
  - III. Sekolah Antarabangsa, mengikuti kurikulum antarabangsa seperti kurikulum British dan Amerika
  - IV. Sekolah-sekolah swasta yang lain
- A. I dan III
  - B. II dan IV
  - C. I, II dan III
  - D. Semua di atas
- S14 Antara perubahan yang berlaku pada Zaman Dasar Pembangunan Negara adalah seperti berikut
- I. peningkatan akses dalam pendidikan khususnya peringkat tertiary.
  - II. menaikkan kelayakan guru-guru daripada sijil kepada diploma
  - III. menaikkan Maktab Perguruan Sultan Idris kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
  - IV. perkembangan ICT dalam pendidikan termasuk penubuhan Sekolah Bestari pada tahun 1999
- A. II dan III
  - B. III dan IV
  - C. I,II,dan III
  - D. Semua di atas

**TERBUKA**

- S15 Apakah ciri-ciri yang berkaitan dengan budaya 'High Expectations of Performance'?
- I. Tidak menyalahkan sesiapa jika menghadapi sebarang kegagalan
  - II. Wujud sesi dialog di kalangan semua peringkat warga sekolah
  - III. Guru besar menyerahkan tugas sepenuhnya pada guru sahaja dalam membimbing pelajar
  - IV. Penerimaan pertukaran fikiran di kalangan semua peringkat warga sekolah bagi membincangkan sesuatu perkara yang difikirkan perlu
- A. I dan II
  - B. I, II dan III
  - C. I, II dan IV
  - D. Semua di atas
- S16 Berikut merupakan fungsi dan bidang tugas guru besar kecuali
- I. pengurus kerja ikhtisas
  - II. pengurus besar bidang keguruan
  - III. pembangunan maju diri murid
  - IV. pengurusan dan pembangunan murid
- A. I dan II
  - B. I, II dan IV
  - C. II, III dan IV
  - D. I, III dan IV
- S17 Antara yang berikut manakah merupakan pengurusan dan pembangunan murid-murid?
- I. Menyelia pendaftaran kemasukan dan pertukaran projek
  - II. Menyelia buku jadual kedatangan murid
  - III. Menyelia pemberian bantuan kepada murid-murid
  - IV. Menyelia Skim Pinjaman Buku Teks serta menentukan polisi dan senarai pelajar yang layak dan tidak layak.
- A. I dan II
  - B. I, II dan IV
  - C. II, III dan IV
  - D. Semua di atas

**TERBUKA**

- S18 Institut Aminuddin Baki bertanggungjawab penuh dalam membina dan meningkatkan kepakaran pengurusan pendidikan. Antara objektif Institut Aminuddin Baki ialah
- I membina tubuh ilmu peribumi pengurusan pendidikan
  - II memberi kemahiran asas pengurusan pendidikan kepada semua pengurus pendidik
  - III menekankan pelajaran yang berorientasikan vokasional
  - IV membina senarai semak alatan dan menghasilkan bahan-bahan lain serta mendokumentasikan penemuan dapatan pendidikan
- A. I, II dan III
  - B. I, II dan IV
  - C. I, III dan IV
  - D. Semua di atas
- S19 Apakah fungsi-fungsi pengurusan yang sering digunapakai oleh Henry Fayol?
- I. Perancangan
  - II. Penyusunan
  - III. Pengawalan
  - IV. Penyelarasan
- A. I dan II
  - B. II sahaja
  - C. II dan IV
  - D. Semua di atas

**TERBUKA**

S20 Laporan Kabinet telah disediakan oleh jawatankuasa kabinet mengenai pelajaran bertujuan untuk mengkaji masalah dan rintangan yang terdapat dalam sistem pendidikan semasa. Di antara cadangannya ialah

- I. memperbaiki pencapaian pendidikan di kalangan belia terutama golongan yang tidak beruntung.
- II. meningkatkan nilai moral dan etika serta kewarganegaraan di kalangan murid sekolah.
- III. menekankan pelajaran yang berorientasikan vokasional.
- IV. menjamin kelancaran pengurusan profesional dan pentadbiran sistem pendidikan.

- A. I, II dan III
- B. I, II dan IV
- C. I, III dan IV
- D. Semua di atas

S21 Antara berikut yang manakah merupakan aspirasi sistem pendidikan Malaysia seperti termaktub dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia

- I Perpaduan
  - II Kecekapan
  - III Ekuiti
  - IV Kualiti
- A. I, II dan III
  - B. I, III dan IV
  - C. II, III dan IV
  - D. Semua di atas

**TERBUKA**

- S22 Berikut merupakan Langkah menangani kepimpinan Guru Besar yang kurang mantap, tidak proaktif dan tidak kreatif kecuali
- I. menjalankan Program mentoring
  - II. melakukan proses penapisan sebelum melantik guru besar
  - III. Guru Besar sepatutnya dihantar berkursus/dilatih untuk mempelajari selok belok pengurusan dan kepimpinan
  - IV. melantik guru besar berdasarkan kelayakannya sebagai guru yang telah lama berkhidmat
- A. I dan II
  - B. I dan III
  - C. I, II dan III
  - D. Semua di atas
- S23 Antara cabaran kepada guru dalam menangani isu kepelbagaian budaya di sekolah ialah meningkatkan kesedaran pelajar. Kesedaran yang hendak diterapkan dalam pemikiran pelajar berbilang kaum di Malaysia adalah seperti berikut, kecuali
- A. menerima dan menghargai identiti setiap kaum
  - B. tidak bersekutu memajukan bangsa
  - C. menghormati perbezaan budaya yang wujud (nilai, adat resam dan cara hidup)
  - D. menghargai keunikan budaya dan mempunyai kemahuan untuk berkongsi persamaan, sedia bekerjasama
- S24 Apakah matlamat gerak kerja kokurikulum yang ingin dicapai oleh sekolah?
- I. Menyemaikan kesedaran agama dan kepercayaan kepada Tuhan dalam kalangan pelajar.
  - II. Memperseimbangkan antara perkembangan mental dan fizikal pelajar.
  - III. Mengukuhkan perhubungan dan pergaulan dalam kalangan pelajar dalam sekolah dan di antara sekolah-sekolah.
  - IV. Membina dan meningkatkan disiplin pelajar.
- A. I, II dan III
  - B. I dan III
  - C. II dan IV
  - D. Semua di atas.

**TERBUKA**



- S25 Apakah matlamat memimpin dalam konteks pengurusan?
- A. Menyusun dan mengaitkan tugas ke arah pencapaian objektif
  - B. Menghasilkan tindakan yang perlu untuk mencapai objektif yang ditetapkan
  - C. Memilih dan menetapkan sumber manusia yang berke Layakan dalam organisasi
  - D. Menentukan kemajuan ke arah pencapaian objektif sebagaimana yang telah dirancang dan ditentukan
- S26 Antara berikut, yang manakah teori-teori tradisional dalam pentadbiran pendidikan?
- I. Teori pengurusan saintifik
  - II. Pendekatan hubungan manusia (Elton, Mayo, Mary Parker Follett)
  - III. Teori yang berperihalkan fungsi pentadbiran (Henri Fayol, Chester Barnand, dan Gullick)
  - IV. Teori system sosial (Jacob Getzels, Edgar Guba)
- A. I sahaja
  - B. I dan IV
  - C. I dan III
  - D. Semua di atas
- S27 Penyataan yang benar mengenai ciri-ciri pemimpin berorientasikan tugas.
- I. Menyelia orang bawahan dengan rapi
  - II. Menetapkan piawaian yang ketat
  - III. Menyusun tugas dengan terperinci untuk mencapai objektif
  - IV. Menekankan tarikh siap tugas
- A. II dan III
  - B. I dan IV
  - C. II,III dan IV
  - D. Semua di atas

**TERBUKA**

S28 Kementerian Pendidikan terlibat secara langsung mengawasi penubuhan serta dan operasi institusi pendidikan serta menjalankan pemantauan bagi memastikan kecemerlangan berpandukan akta. Antara akta yang terlibat ialah

- I. Akta Pendidikan 1996
- II. Akta Institut Pendidikan Tinggi Swasta 1996
- III. Akta Majlis Pendidikan Negara 1996
- IV. Akta Perbadanan Tinggi Nasional 1997

- A. I, II dan III.
- B. I, II dan IV.
- C. I, III dan IV.
- D. Semua di atas

S29 Penyataan yang manakah benar mengenai Laporan Rahman Talib?

- I. Penggunaan satu kurikulum sekolah yang sama dan seragam di seluruh negara
- II. Penggunaan satu sistem pemantauan dan akreditasi bagi sekolah, maktab dan universiti yang sama dan seragam
- III. Penggunaan satu sistem pentadbiran untuk sekolah, maktab perguruan, universiti yang sama
- IV. Penggunaan satu peraturan jadual waktu dan takwin sekolah yang sama dan seragam

- A. I sahaja
- B. I dan II sahaja
- C. I dan III sahaja
- D. Semua di atas

**TERBUKA**

- S30    Penyataan yang manakah benar mengenai objektif Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975)?
- I.       Memperkukuhkan sistem pendidikan bagi menggalakkan intergrasi nasional
  - II.      Penggunaan satu sistem pemantauan dan akreditasi bagi sekolah, maktab dan universiti yang sama dan seragam
  - III.     Penggunaan satu sistem pentadbiran untuk sekolah , maktab perguruan, universiti yang sama
  - IV.     Penggunaan satu peraturan jadual waktu dan takwin sekolah yang sama dan seragam
- A.       I sahaja
- B.       I dan II
- C.       I dan III
- D.       Semua di atas
- 
- S31    Apakah tugas Unit Hal Ehwal Murid?
- A.       Untuk menyelaraskan dan memantau aktiviti yang berkaitan murid.
  - B.       Untuk menyelaraskan pelbagai program dan aktiviti berkaitan kurikulum pelajar sekolah
  - C.       Untuk menyelaraskan aktiviti pelajar pada sidang petang dan juga bertindak sebagai unit keceriaan sekolah
  - D.       Untuk mengurus hal yang berkaitan dengan guru. Ia termasuk aktiviti tahunan yang disediakan untuk guru

**TERBUKA**

- S32 Pilih pernyataan yang benar merujuk kepada konteks reformasi pendidikan yang bertunjangkan Falsafah Pendidikan Negara di mana peranan pengurusan pendidikan dilihat amat penting bagi
- I. melahirkan generasi seimbang dan harmonis
  - II. melahirkan keupayaan intelek yang baik dan ketangkasan jasmani yang teruji
  - III. mewujudkan komunikasi yang terpuji
  - IV. mewujudkan kekuatan dalaman yang berdaya tahan
- A. I, II dan III
  - B. I, III dan IV
  - C. I, II dan IV
  - D. Semua di atas
- S33 Apakah definisi yang tepat berkaitan dengan pentadbiran?
- A. Satu sistem untuk mengorganisasikan sesuatu perkara dalam mencapai matlamat yang dipersetujui.
  - B. Satu perkara untuk mengawal dan mengatur sesebuah organisasi.
  - C. Salah satu cabang dalam melicinkan proses untuk mencapai sesuatu matlamat.
  - D. Manusia yang dilantik untuk mentadbir sesuatu organisasi.
- S34 Berikut adalah fungsi hierarki kecuali?
- A. Satu bentuk susunan secara berlapis dan setiap lapisan mempunyai hirarki tertentu.
  - B. Susunan itu menjelaskan “ranking” jawatan, fungsi, bidang tugas dan tanggungjawab.
  - C. Semakin tinggi susunan itu, semakin tinggi jawatan yang disandang, semakin banyak fungsinya, semakin besar bidang tugas dan tanggungjawab yang perlu dilakukan.
  - D. Semakin tinggi susunan itu, semakin tinggi jawatan yang disandang, semakin banyak fungsinya, semakin mudah bidang tugas dan tanggungjawab yang perlu dilakukan.

**TERBUKA**

- S35 Tugas Guru Besar yang manakah sudah tidak relevan buat zaman sekarang dalam mencapai kecemerlangan dan kejayaan sesebuah sekolah?
- A. Mengurus pentadbiran sekolah.
  - B. Mengelola pembelajaran dan pengajaran sekolah.
  - C. Melaksanakan kurikulum dan pengajaran sekolah.
  - D. Mentadbir bahagian pentadbiran sekolah sahaja.
- S36 Antara berikut yang manakah ciri-ciri Guru Besar yang berkesan 'Model Malaysia' menurut Institusi Aminuddin Baki (1998)?
- I. Mengamalkan cara komunikasi yang cekap
  - II. Mempunyai wawasan yang jelas
  - III. Melaksanakan rancangan pendidikan yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
  - IV. Mewujudkan persekitaran pendidikan yang dinamik
- A. I dan II
  - B. I, II dan IV
  - C. I, III dan IV
  - D. I, II, III dan IV
- S37 Guru Besar telah bertugas di luar sekolah lebih dari lima hari pada waktu bekerja tanpa menyerahkan tugas kepada anda sebagai timbalannya. Apakah tindakan anda apabila berlaku kes jenayah yang berat semasa ketiadaan Guru Besar di sekolah itu?
- A. Membuat keputusan sendiri untuk menyelesaikan masalah
  - B. Melaporkan kes tersebut terus kepada pihak polis
  - C. Menghubungi Guru Besar untuk meminta pandangannya
  - D. Memanggil semua guru bermesyuarat untuk memberi keputusan

**TERBUKA**



- S38 Tiga elemen penting yang perlu ada pada seseorang pengetua yang berkualiti adalah seperti berikut
- I. *Extra Mind* – Kebijaksanaan menyelesaikan masalah dan membuat keputusan
  - II. *Extra Quality* – Kualiti dalam menjalankan setiap tugas dalam 5 situasi pengurusan sekolah
  - III. *Extra Might* – Kekuatan ilmu pengetahuan, kemahiran dan komitmen
  - IV. *Extra Mile* – *High performance Speed dan High performance Work Culture* dalam merancang, mengelola, melaksana, mengawal, memantau dan menilai
- A. I sahaja
  - B. I dan II
  - C. I, III dan IV
  - D. Semua di atas
- S39 Di antara tokoh – tokoh pengurusan yang disenaraikan di bawah, tokoh yang manakah mendefinisikan pengurusan adalah sebagai seni untuk mencapai sesuatu melalui orang lain?
- A. Adam Smith
  - B. Henry Gantt
  - C. Mary Parker Follet
  - D. Frank & Lillian Gilbreths
- S40 Jika Guru Besar/Pengetua ingin menggunakan sesuatu model kepimpinan yang memfokuskan penyeliaan pengajaran-pembelajaran, apakah model kepimpinan sesuai diamalkan?
- A. Model Transformasional
  - B. Model Interpersonal
  - C. Model Transaksional
  - D. Model Instruksional

A red rectangular stamp with a double border, containing the word "TERBUKA" in bold, uppercase letters.

- S41 Tugas dan tanggungjawab utama seseorang penasihat kokurikulum ialah
- I. memastikan kelicinan pelaksanaan unit kokurikulum
  - II. menyelia, menilai dan menyediakan laporan aktiviti kokurikulum
  - III. menjelaskan perlembagaan, peraturaan atau undang-undang unit kokurikulum kepada ahli-ahli dalam perjumpaan mereka buat kali pertama
  - IV. memastikan peraturan kokurikulum dipatuhi oleh pelajar semasa menjalankan aktiviti kokurikulum
- A. I dan II
  - B. II dan IV
  - C. II dan IV
  - D. Semua di atas
- S42 Nyatakan maksud pengurusan oleh Peter F. Drucker.
- A. Pengurusan ialah satu proses sosial dibentuk untuk mendapatkan kerjasama, penyertaan dan penglibatan ahli-ahli dalam sesebuah organisasi untuk mencapai sesuatu maklumat atau objektif yang paling berkesan.
  - B. Satu corak tingkahlaku yang didapati dalam semua organisasi manusia. Ia adalah proses yang mengatur dan mengawal sesuatu organisasi sosial itu
  - C. Pengurusan ialah sumber asas dan sumber yang paling berharga.
  - D. Pengurusan ialah satu proses merancang, mengelola, memimpin, mengawal daya usaha ahli-ahli organisasi dan menggunakan sumber-sumber lain untuk mencapai matlamat yang ditentukan

**TERBUKA**

- S43 Prinsip Taylor dalam pendekatan pengurusan saintifik ialah
- I. Produktiviti boleh ditingkatkan melalui kerja yang berkesan
  - II. Memilih pekerja paling sesuai sebab ada yang layak dan tidak
  - III. Gaji seimbang dengan kerja
  - IV. Perlu memotivasikan pekerja
- A. I dan II
  - B. I, II dan IV
  - C. I, III dan IV
  - D. Semua di atas
- S44 Beberapa strategi digubal untuk mencapai matlamat Dasar Pendidikan yang telah ditetapkan kecuali?
- A. Mewujudkan peperiksaan yang sama bagi semua sekolah
  - B. Menjadikan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama
  - C. Menubuhkan sekolah dwi-bahasa dengan bahasa pengantarnya Bahasa Inggeris
  - D. Memperluas pendidikan vokasional dan teknik
- S45 Fayol telah memecahkan fungsi-fungsi pengurusan kepada lima elemen. Nyatakan langkah yang betul bagi fungsi-fungsi berikut
- I. Perancangan/*Planing*
  - II. Penyusunan/*Organizing*
  - III. Pengarahan/*Directing*
  - IV. Penyelarasan/*Coordinating*
  - V. Pengawalan /*Controlling*
- A. I, III, IIV, V dan III
  - B. II, IV, V, III dan I
  - C. I, II, III, V dan VI
  - D. Semua di atas



TERBUKA

- S46 Berikan definisi Pentadbiran menurut Newsmen, 1963.
- A. Pendidikan Pentadbiran sebagai satu bimbingan, kepemimpinan dan kawalan daya usaha kumpulan kerja ke arah pencapaian matlamat
  - B. Pentadbiran pendidikan sebagai pengurusan sesebuah institusi pendidikan untuk mempertingkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran
  - C. Pentadbiran pendidikan sebagai pengurusan sesebuah institusi pendidikan untuk mempertingkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran
  - D. Satu proses perkhidmatan yang melibatkan proses perancangan pendidikan, pengelolaan pendidikan, pengarahannya, penyalarsan pendidikan, penyediaan belanjawan pendidikan dan penilaian pendidik
- S47 Institut Aminuddin Baki (IAB) berfungsi dalam pengurusan dan pentadbiran sekolah kecuali
- A. latihan
  - B. penilaian
  - C. penerbitan
  - D. penyelidikan
- S48 Berikut adalah tugas-tugas pentadbiran sekolah kecuali
- I. Mengatur dan melaksanakan jadual waktu serta kalendar sekolah
  - II. Mengesan, menyusun dan menyelesaikan masalah-masalah di sekolah
  - III. Mengagih dan mengawas kerja-kerja staf perkeranian di pejabat sekolah
  - IV. Memastikan kemudahan dan harta benda sekolah digunakan dengan sebaik-baiknya oleh bahagian pentadbiran
- A. I dan II
  - B. I, II dan III
  - C. I, III dan IV
  - D. Semua di atas

**TERBUKA**

S49 Struktur institusi pendidikan secara umum terbahagi kepada dua kategori iaitu kategori yang pertama ialah institusi pendidikan swasta yang menawarkan pengajian peringkat rendah, menengah dan kursus-kursus kemahiran. Kumpulan institusi yang termasuk dalam kumpulan ini ialah

- I. Sekolah antarabangsa
- II. Pusat-pusat kemahiran
- III. Sekolah-sekolah ekspatriat
- IV. Sekolah rendah dan menengah persendirian

- A. I, II dan III
- B. I, II dan IV
- C. I, III dan IV
- D. Semua di atas

S50 Sekolah Antarabangsa merupakan salah satu daripada sekolah yang telah ditubuhkan oleh Institusi Pendidikan Swasta (IPS). Apakah program yang ditawarkan oleh sekolah tersebut?

- A. Menawarkan program pendidikan rendah dan menengah dengan menggunakan kurikulum negara Malaysia serta menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar
- B. Menawarkan program tadika, rendah dan menengah dengan menggunakan kurikulum negara luar serta menggunakan Bahasa Asing sebagai bahasa penghantar
- C. Menawarkan program pendidikan peringkat tadika, rendah dan menengah dengan menggunakan kurikulum negara luar serta menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa penghantar
- D. Menawarkan program tadika dan rendah dengan menggunakan kurikulum yang telah dihasilkan sendiri oleh pihak sekolah serta menggunakan Bahasa Asing sebagai bahasa penghantar

**TERBUKA**



**BAHAGIAN B**

S51 a. Nyatakan 5 objektif Pengurusan Sekolah.

(10 markah)

b. Pilih 3 dari objektif tersebut dan huraikan dengan jelaskan bagaimana ia boleh dicapai dari skop seorang Pengetua.

(15 markah)

S52 Huraikan dengan jelaskan yang berikut:

- a. Pendidikan swasta di Malaysia
- b. Sekolah Vernakular
- c. Laporan Razak
- d. Laporan Rahan Talib
- e. Laporan Barnes

(25 markah)

**-SOALAN TAMAT-**

**TERBUKA**